

Bahasa Melayu Mampu Pupuk Perpaduan Rakyat

Oleh Ignasus Rias B. Simon Eko

Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) Brig Jen. Prof Datuk Dr. Kamaruzaman Hj Ampon berkata bahasa khususnya Bahasa Melayu dalam konteks 1 Malaysia menjadi wahana untuk membina dan memupuk persefahaman serta perpaduan rakyat di negara ini. Tegas beliau lagi, bahasa adalah alat yang penting dalam masyarakat kerana tanpa bahasa masyarakat tidak dapat berinteraksi dengan masyarakat lain.

Beliau berkata demikian semasa merasmikan Kolokium Kebangsaan Memartabatkan Bahasa Melayu di Institut Pendidikan 2010 di Dewan Resital UMS. Turut hadir dalam kolokium ini ialah Dekan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial merangkap Pengerusi Jawatankuasa Induk Kolokium Prof Madya Dr. Mohd Yusof Abdullah, Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) cawangan Sabah Zubaidi Abas, para pembentang kertas kerja, pegawai-pegawai utama UMS, dekan dan para pensyarah.

Kolokium yang diadakan pada 11 Mei 2010 ini akan menjadi platform kepada tokoh dari pelbagai bidang, seperti pejuang bahasa, tokoh akademik, NGO dan pembuat dasar untuk membentangkan pendapat dan saranan masing-masing terhadap dasar baru yang akan dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Di samping itu, pandangan, syor

dan cadangan daripada peserta Kolokium yang terdiri daripada golongan pendidik, pelaksana dasar dan ibu bapa dapat memantapkan lagi rumusan dan cadangan yang akan dikemukakan kepada Kementerian Pelajaran Malaysia.

Tambah beliau lagi, mercu pencapaian sesuatu bahasa itu terletak pada penggunaannya sebagai lingua franca serta pengembangan sastera, adat, pakaian dan makanan adab kesenian. "Bahasa melayu sudah luas digunakan di negara ini khususnya oleh golongan muda di sekolah, maktab dan universiti. Para pelajar bukan Melayu memang sudah cekap bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Melayu.

Dalam beberapa situasi mereka searif dan setanding dengan para pelajar Melayu yang terbaik. Ini kerana Bahasa Melayu telah digunakan sebagai bahasa perantaraan pendidikan semenjak tahun 1967. Ia membolehkan rakyat Malaysia yang berbilang kaum mampu berinteraksi antara satu sama lain sekaligus membantu negara kita terus membangun dalam pelbagai aspek secara aman dan harmoni. Naib canselor juga berkata, bahasa juga tidak dapat dipisahkan daripada amalan hidup seseorang kerana ia bukan semata-mata alat komunikasi tetapi juga sebagai pembina budaya, pengembang pemikiran dan pandangan lain.

